

Suami isteri cipta sejarah perolehi sarjana daripada UMS

Oleh **ABD NADDIN HJ SHAIDDIN**

KOTA KINABALU: Meskipun hampir 20 tahun meninggalkan bangku sekolah, perjuangan Haji Mahil Kamarudin, 54, untuk melanjutkan pengajian akhirnya membuahkan kejayaan.

Beliau berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Psikologi dan Kaunseling daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam Majlis Konvokesyen Kali ke-20.

“Alhamdulillah dan syukur, segala-galanya dengan izin Allah,” katanya selepas menerima ijazah daripada Canselor UMS Tun Dr Haji Juhar Mahiruddin, di ibunegeri pada Sabtu.

Lebih menarik lagi, kejayaan itu turut menjadi kenangan manis apabila isterinya, Nor Hafizah Haji Md Isa turut menerima Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dalam sidang pagi yang sama.

Anak kelima daripada enam adik beradik dari suku Idahan dan berasal dari Lahad Datu, Mahil memberitahu antara cabaran sepanjang pengajian ialah meletakkan kembali ‘mindset’ sebagai pelajar.

“Menuntut ilmu kerana Allah. Saya dikira pelajar tua. Jadi saya perlu memastikan agar sentiasa fokus pada pembelajaran, sentiasa ingin ‘Grad On Time’ (GOT).”

“Mulanya risau juga kerana saya menghidap penyakit darah tinggi dan pernah mengalami ‘minor stroke’ pada tahun 2010.

“Seingat saya, kuliah yang pertama sehari suntuk itu, saya hampir 50 kali menguap. Mungkin kerana hampir 20 tahun meninggalkan bangku sekolah dan kembali lagi. Apapun, saya tetap percaya boleh melakukannya,” katanya kepada Utusan Borneo.

Mahil memiliki Ijazah Sarjana Muda bidang perniagaan pengkhususan dalam pengurusan sumber manusia daripada La Trobe



MAHIL dan Nor Hafizah.

University Campus Bendigo di Victoria, Australia pada 1998.

Beliau bercita-cita menjadi kaunselor profesional dan membuka firma sendiri.

“Ilmu dicari dan kemudian ilmu itu dikongsi bagi manfaat ummah atau masyarakat secara umum,” katanya.

Beliau mengakui tidak pernah merasa putus asa selama belajar di UMS. “Semangat tetap membara. Tenaga pengajar sangat berkualiti di UMS terutama Prof Hj Dahlan Hj Malek, Dekan Fakulti dan Penyelaras Program Dr Wan Anor Wan Sulaiman dan pensyarah yang lain.”

Apa rahsia kejayaannya? Sentiasa merendah diri, fokus kepada pelajaran dan yang penting selalu memohon keberkatan pengajian daripada emak ayah dan yang paling utama kepada Allah yang Maha Esa.

“Saya tidak menyangka langsung boleh menuntut ilmu sehingga ke peringkat sarjana kerana bukannya dari latar belakang pelajar pintar. Sewaktu di sekolah rendah, saya boleh membaca hanya ketika berada di darjah empat,” katanya.

Hasrat belajar kerana kesedaran dan tanggungjawab, tambahna.

“Saya ingin menjadi kounselor profesional yang berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia dengan syarat mesti ada Master dalam Psikologi dan Kaunseling.

“Penyakit sekarang ini lebih kepada penyakit pemikiran dan perasaan yang memberikan kesan kepada perlakuan. Seorang ahli psikologi adalah seorang doktor kata. Melalui kata-kata, jiwa kita boleh menjadi tenang, lebih bermotivasi, dapat mengawal perasaan negatif dan apa sahaja perasaan yang boleh mendatangkan mudarat.

“Ada ilmu bermakna ada jambatan yang boleh diguna untuk membantu masyarakat dan ummah,” katanya.

Perkongsian hidup Mahil dan Nor Hafizah telah mengurniakan mereka tiga orang anak, seorang lelaki dan dua perempuan.

“Isteri saya berasal dari Alor Setar, Kedah... duduk di Sabah sejak tahun 2001,” katanya.

Nor Hafizah yang turut menerima Ijazah MBA dalam majlis konvokesyen itu, sebelum ini memiliki Ijazah Sarjana Muda Pengkhususan dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Malaya pada 1996.

Bagaimana caramengagihkan masa? Nof Hafizah berkata, “Kami suami isteri, bekerja sendiri...agak mudah membahagikan masa. Sabtu dan Ahad setiap minggu ke Tawau.”

“Kejayaan ini adalah kenangan manis kami berdua kerana berjaya memperolehi ijazah sarjana daripada UMS pada hari yang sama, walaupun dalam bidang berlainan,” katanya.